

PM: Usaha cegah AIDS kurang berkesan

UM 6 OCT 2002

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peningkatan jumlah pesakit AIDS dan kes jangkitan HIV sejak 10 tahun lalu menunjukkan usaha pencegahan yang dilakukan dalam negara kurang berkesan.

Perdana Menteri mendedahkan, sehingga tahun lalu terdapat lebih 45,000 kes dilaporkan berbanding hanya 5,000 kes pada 1992.

Tahun lalu sahaja, katanya, hampir 6,000 kes baru dikenal pasti.

“Jelas sekali usaha pencegahan yang dibuat setakat ini tidak begitu berkesan seperti yang kita mahukan.

“Mungkin kita perlu mengkaji kejayaan yang telah dicapai di negara lain dan mengadaptasinya di sini serta mengetepikan kaedah yang tidak berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Gala Reben Merah 2002 anjuran Yayasan AIDS Malaysia di sini malam ini.

Majlis itu diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-10 Majlis AIDS Malaysia (MAM) dan pelancaran kempen amal ‘Atas Nama Cinta’.

Menurut Perdana Menteri, beliau bangga kerana kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan di negara sedang membangun kini bekerjasama memperjuangkan isu harga ubat-ubatan.

Katanya, rawatan bagi pesakit AIDS kini menjadi isu yang semakin serius.

Justeru Dr. Mahathir berkata, kerajaan berusaha mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat farmaseutikal bagi menurunkan harga ubat-ubatan supaya dapat dibeli oleh rakyat termiskin.

Pada masa yang sama, menurut beliau, kerajaan juga menuntut hak pelesenan dan pengimportan ubat-ubatan termasuk yang melibatkan rawatan bagi pesakit AIDS.

“Sesetengah pihak mungkin tidak gemar dengan apa yang kita lakukan, kerana dianggap tidak menghormati hak harta intelek.

“Tetapi sudah pasti nyawa manusia adalah lebih penting daripada keuntungan besar untuk syarikat-syarikat yang sememangnya sudah sedia kaya,” katanya.

Kerajaan, menurut beliau, mengiktiraf peranan NGO dalam memerangi wabak itu dan menyedari dalam sesetengah perkara, kumpulan tersebut mendahului cara untuk mendekati peringkat akar umbi.

Untuk itu, Dr. Mahathir mengulangi komitmen kerajaan memperuntukkan dana RM40 juta dalam tempoh 10 tahun kepada MAM bagi menjalankan program-program bersama 37 anggota gabungannya.

“Wang mungkin boleh membantu tetapi ia bukanlah segala-galanya. Untuk memerangi penyakit ini dan mencegah kesan negatif kepada ekonomi dan sosial, setiap ahli masyarakat perlu memainkan peranan,” katanya.